☑ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 8 MEI 2012
Hari: SELASA M/S: 21
Ruangan: NASIONAL

Kad diskaun IPT dikeluar Jun

Beri manfaat kepada 1.4 juta pelajar termasuk kolej komuniti, maktab

Oleh Nahar Tajri
nahar@bharian.com.my

SINTOK: Kad diskaun pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan dikeluarkan secara berperingkat kepada semua mahasiswa di seluruh negara bermula bulan depan.

Kad diskaun berkenaan akan memberi manfaat kepada 1.4 juta pelajar di seluruh negara termasuk dari IPT awam dan swasta, kolej komuniti dan maktab perguruan kerana akan disertai lebih 20 syarikat pedagang merangkumi pelbagai keperluan mahasiswa.

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata setakat ini pihaknya sudah memuktamadkan penyertaan 17 syarikat pedagang dan sedang mengadakan rundingan dengan beberapa lagi syarikat termasuk syarikat pengangkutan bagi mencapai sasaran lebih 20 syarikat menyertai program itu menjelang bulan depan.

Beliau berkata, kad berkenaan ketika ini disertai oleh syarikat yang berkaitan dengan keperluan pelajar, antaranya syarikat cermin mata, alatan sukan, alat tulis, buku, klinik, makanan, pusat kecantikan dan syarikat pengangkutan.

Katanya, Bank Rakyat akan mengeluarkan kad itu sudah menyiapkan reka bentuknya untuk dicetak dan dikeluarkan awal bulan depan.

"Kita ada 17 syarikat ketika ini yang menyertai program ini dan sedang berunding dengan beberapa lagi kerana mahukan lebih 20 syarikat menyertainya sebelum kad diskaun ini dilancarkan bulan depan.

"Kad itu akan dikeluarkan Bank Rakyat yang bekerjasama dengan kita sebagai program tanggungjawab sosial korporat bank berkenaan kepada mahasiswa.

"Kita juga menggalakkan pelajar membuka akaun dengan Bank Rakyat kerana kad ini boleh juga digunakan sebagai kad debit bagi memudahkan pelajar membuat pembelian di syarikat terpilih," katanya selepas merasmikan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Universiti Utara Malaysia di sini, semalam.

● LIM POH CHIN | BERITA HARIAN

ISMAIL SABRI (kanan) menunjukkan barang Coop 1Malaysia kepada Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak (dua dari kanan) ketika melawat gerai pameran sempena Karnival Kerjaya dan Keusahawanan UUM 2012 di Dewan Muadzam Shah, Universiti Utara Malaysia, semalam.